

## **PERISIAN TOONDOO MEMBINA KEMAHIRAN MENULIS MURID**

Haryati Surana  
Suriati Djuahir

Sekolah Rendah West View

### **Abstrak**

Perisian Toondoo dapat membantu murid dalam kemahiran menulis khususnya pembinaan pelbagai ayat. Murid-murid juga dapat mengaitkan hasil kerja mereka dengan menerapkan nilai masyarakat dalam penulisan mereka. Saiz kosa kata murid dalam Bahasa Melayu agak terhad. Hal ini sering menjadi halangan untuk mereka menulis ayat yang baik. Mereka juga kurang berjaya membina pelbagai jenis ayat dalam karangan mereka. Ini menjadikan pengajaran Bahasa Melayu satu cabaran yang besar. Mempelajari Bahasa Melayu boleh menjadi lebih menarik dengan pelbagai kaedah. Bagi melahirkan ‘Pelajar Aktif Pengguna Cekap’, platform ICT telah digunakan untuk menyediakan pembelajaran yang interaktif. Di samping itu guru harus memastikan pembelajaran secara kendiri (SDL) dan pembelajaran kolaboratif (CoL) dijalankan di bilik darjah. Penggunaan perisian ICT yang sesuai memainkan peranan penting dalam pengajaran Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kertas ini membincangkan bagaimana penggunaan perisian Toondoo dapat menarik minat murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid lebih yakin membina ayat dalam penulisan mereka. Murid juga lebih aktif dan cepat memberikan respons dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## **Pengenalan**

Dari segi penulisan, guru mendapati bahawa murid-murid lemah dalam pembinaan ayat. Ayat-ayat mereka terlalu mudah dan tidak pelbagai. Kosa kata yang digunakan juga agak terhad. Murid tidak yakin membina ayat-ayat majmuk yang baik. Ayat-ayat yang dibina pelajar juga didapati menggunakan kosa kata yang mudah dan kurang menarik.

Berlandaskan kemahiran abad ke-21, pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan perisian Toondoo dapat memenuhi keperluan ini. Murid juga dapat memperbaik kemahiran menulis mereka. Perisian Toondoo digunakan bagi menarik minat murid dalam pembelajaran bahasa Melayu khususnya dalam pembinaan ayat. Perisian Toondoo juga dapat mencungkil kreativiti murid dan juga memaparkan nilai moral dalam penulisan.

Toondoo ialah perisian yang mengadungi grafik dan kotak dialog yang pelbagai. Murid-murid menghasilkan sebuah komik dengan menggunakan perisian Toondoo.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. murid dapat membina pelbagai ayat dengan baik dalam penggunaan perisian Toondoo;
2. murid dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari ke dalam penulisan mereka; dan
3. murid dapat memberikan respons yang kreatif dan sesuai dalam penulisan.

## **Permasalahan Kajian**

Pembelajaran karangan selalunya membosankan murid. Mereka berasa bahawa menulis karangan menjadi satu perkara yang amat mengerunkan atau tidak disenangi. Murid-murid selalu menghadapi ketandusan idea serta sukar untuk mendapat markah yang baik dalam karangan.

Selain itu, guru juga menghadapi kesulitan menyemak karangan murid. Guru dapat bahawa murid lemah dalam pembinaan ayat melalui markah bahasa yang diperoleh. Karangan murid tidak menepati serta tidak kreatif. Dengan kemodenan dan kecanggihan teknologi, guru dapat merangsang minda serta penulisan murid dengan menggunakan perisian yang sesuai. Tumpuan yang ingin diberikan ialah masalah menulis ayat yang baik dan pelbagai.

## **Kajian Lepas**

Menurut kajian Ida Hayu Sanjaya (2011) dalam tesisnya berjudul ‘Implementasi Media Komik Untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Karangan’ telah menunjukkan bahawa penggunaan media komik dapat meningkatkan kemampuan menulis karangan.

Ini ditekankan lagi dengan penerapan Pengajaran Pembelajaran Kendiri (SDL), Pembelajaran ini lebih berpusat kepada peningkatan diri, perkembangan peribadi dan pembangunan watak.

Dalam pembelajaran kendiri, individu mengambil inisiatif dan tanggungjawab terhadap apa yang berlaku. Individu memilih, mengurus dan menilai aktiviti pembelajaran mereka sendiri, yang boleh diteruskan pada bila-bila masa, di mananya tempat, melalui pelbagai cara dan untuk semua peringkat umur. Di sekolah, guru boleh berusaha ke arah SDL pada peringkat-peringkat tertentu. Pengajaran menekankan

kemahiran SDL, proses, dan sistem dan bukannya isi kandungan dan ujian. Bagi individu, SDL melibatkan inisiatif untuk memulakan aktiviti cabaran peribadi dan membangunkan kualiti peribadi untuk mengajar diri mereka agar berjaya.

Berdasarkan penekanan kepada pengajaran pembelajaran kendiri dalam ICT, terdapat banyak alat yang boleh digunakan dalam pembelajaran ini. Sebagai permulaan bagi murid peringkat rendah, guru telah memilih perisian Toondoo. Ini diikuti dengan Pembelajaran Kolaboratif (CoL). Pembelajaran Kolaboratif adalah satu situasi yang melibatkan dua atau lebih murid belajar atau cuba untuk belajar sesuatu bersama-sama. Tidak seperti pembelajaran individu, murid yang terlibat dalam pembelajaran kolaboratif mempunyai kesempatan untuk meraih sumber dan kemahiran antara satu sama lain, mendapatkan maklumat, menilai idea-idea atau memantau kerja satu sama lain.

## **Kaedah Kajian**

Setiap minggu guru akan mengajar pembinaan ayat daripada ayat mudah kepada ayat kompleks yang menggunakan beberapa kata hubung yang sesuai untuk peringkat Darjah 3.

Dengan menerapkan perisian Toondoo ini, murid mengaplikasikan apa yang telah dipelajari. Markah akan diberi mengikut pengajaran yang dijalankan. Data ini akan dikumpul untuk melihat perkembangan murid dalam penulisan ayat yang pelbagai dengan penggunaan bahasa yang mudah.

Sebanyak lima intervensi dijalankan bagi melihat perkembangan ini. Pada intervensi yang keenam, guru memberi latihan karangan. Latihan karangan ini merupakan pascalatihan karangan bagi melihat prestasi murid dalam mengaplikasikan apa yang telah dipelajari. Markah karangan

sebelum dan sesudah intervensi dianalisis dan dibuat perbandingan.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 3 dari kumpulan cemerlang. Terdapat seramai 28 murid dalam kelas tersebut. Berdasarkan markah karangan mereka yang dibahagi kepada dua komponen, iaitu isi dan bahasa, didapati ramai murid yang tidak mendapat markah yang baik dalam komponen bahasa. Daripada tinjauan ini, didapati bahawa murid lemah dalam pembinaan ayat semasa menulis karangan. Oleh sebab itu perisian Toondoo ini diharapkan dapat menolong murid membina ayat tunggal atau majmuk yang betul.

### Instrumen Kajian

Setelah meneroka beberapa alat ICT yang boleh digunakan bagi pelajaran membina ayat yang menarik, perisian Toondoo boleh dimuat turunkan dengan percuma di lelaman [www.toondoo.com](http://www.toondoo.com). Selain daripada itu instrumen ini juga mudah difahami murid. Perisian ini boleh merangsang minda murid dalam mereka cerita. Komik yang akan dibina murid hanya terhad kepada murid yang hanya pandai melukis komik. Perisian ini lengkap dengan gambar latar serta gambar watak-watak yang diingini dalam membina sebuah plot dalam karangan dengan menarik sekali.

Pemerhatian guru terhadap sikap dan cara belajar penting dalam kajian ini. Untuk menilai keberkesanan strategi yang digunakan dalam bilik darjah, guru telah menilai respons murid terhadap aktiviti yang dijalankan serta hasil kerja yang diberikan secara kumpulan.

## **Prosedur Kajian**

Murid diperkenalkan kepada perisian Toondoo pada tahap awal dengan hanya membina ayat tunggal seperti ayat tanya, ayat seru dan ayat perintah. Mereka hanya perlu membuat dua petak komik dalam perisian ini. Setelah itu barulah murid didedahkan kepada satu plot yang mudah dalam komik. Setelah plot ini dicantumkan, komik ini menjadi satu karangan yang lengkap. Ini dijalankan secara berkumpulan agar murid-murid dapat belajar dalam suasana yang merangsangkan.

Sebelum membina karangan yang lengkap, murid akan membentangkan karangan mereka di hadapan kelas. Murid lain boleh memberikan pandangan. Pada tahap ini, murid juga boleh menukar plot atau jalan cerita dalam karangan mereka.

Tema karangan mereka adalah bebas. Mereka boleh memilih tema apa sahaja untuk karangan mereka. Mereka juga diberikan kebebasan menentukan tajuk karangan mereka. Apa yang patut mereka tekankan dalam karangan mereka adalah penggunaan ayat yang pelbagai.

## **Dapatkan Kajian**


Berdasarkan pemerhatian guru, murid menunjukkan sikap yang memberangsangkan sewaktu pembelajaran yang menggunakan perisian Toondoo. Murid tidak berasa tertekan lagi apabila membuat latihan membina ayat atau karangan. Mereka menunjukkan kesungguhan dan daya kreativiti yang amat menggalakkan dalam pelajaran. Setiap kali guru menggunakan perisian Toondoo ini, murid memberikan sepenuh perhatian dan sanggup bekerjasama dengan guru untuk memastikan pembelajaran dapat dijalankan.

Selain itu, guru juga mendapati bahawa murid-murid lebih yakin dalam pembinaan ayat mereka. Guru berpuas hati dengan prestasi murid-murid sewaktu membentangkan komik

mereka secara berkumpulan. Secara keseluruhannya, mutu karangan murid-murid secara kendiri bertambah baik.

Murid juga menunjukkan sikap yang positif dan terbuka sewaktu mengikuti pembelajaran. Berdasarkan maklum balas murid, mereka berasa terangsang dengan pembelajaran menggunakan Toondoo. Rajah 1 menunjukkan respons murid.

Rajah 1: Respons Murid



Secara keseluruhan, murid lebih yakin dalam membina ayat. Mereka juga berasa seronok dapat belajar menggunakan perisian Toondoo. Mereka juga lebih berkeyakinan dalam menyampaikan kerja kumpulan mereka. Strategi ini telah memberi manfaat kepada murid dari segi pembinaan ayat.

## Kesimpulan

Antara cabaran yang dihadapi adalah semasa menjalankan pembelajaran menggunakan perisian Toondoo. Pada peringkat awalnya, guru perlu mengatasi pelbagai rintangan sehingga guru harus menetapkan peraturan agar

pembelajaran menjadi lebih berkesan. Selain itu, guru juga harus menyelesaikan pembelajaran yang telah dilakarkan. Murid perlu menyelesaikan kerja kumpulan di sekolah.

Guru yakin strategi ini akan lebih berkesan jika dijalankan bagi kumpulan sederhana dan tahap asas. Ini kerana dapatan kajian ini akan menjadi lebih berkesan kepada mereka. Bagi murid-murid tahap cemerlang ini, diharapkan pendekatan yang telah diambil akan membantu murid mencapai keputusan yang memuaskan pada peperiksaan pertengahan tahun ini.

## Rujukan

Malcom Knowles (1975). *Self-Directed Learning*. UK: Cambridge Adult Education.

Ida Hayu Sujana (2011). Implementasi Media Komik untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Karangan Mata Pelajaran Bahasa Indonesia kelas III MI Sunan Kalijaga Kerangbesuki, Disertasi Sarjana Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah. Fakultas Tarbiyah Universiti Islam Negeri (UIN) Maulana Malik Ibrahim, Malang.